

Pemimpin2 PAS disifat Pak Pandir

BH 12 APR 1982

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mensifatkan pemimpin-pemimpin PAS sebagai "Pak Pandir" kerana mereka ditipu oleh DAP dalam pakatan sult untuk memecahkan undi orang Melayu dalam pilihanraya ini.

Perdana Menteri berkata, ini terbukti dengan jumlah calon yang diletakkan oleh DAP di kawasan majoriti pengundi Melayu hanya 22 orang sahaja manakala PAS meletakkan 69 calon di kawasan minoriti pengundi Melayu.

"Berdasarkan angka ini, bererti setiap satu kerusi yang diberi oleh DAP, PAS terpaksa membayar 'hutang' tiga kerusi.

"Ini menunjukkan pemimpin PAS tidak tahu kira-kira dan seperti Pak Pandir moden bermegah-megah kononnya mendapat untung tetapi sebenarnya rugi." tegas beliau ketika berucap memperkenalkan calon

Oleh JAMALUDDIN BAKAR

Barisan Nasional kerusi Parlimen Damansara, Encik Tan Koon Swan di Kampung Kerinchi di sini, malam tadi.

Seramai 2,000 penyokong Barisan Nasional dari UMNO membanjiri Dewan Sekolah Sri Pantai Kampung Kerinci untuk mendengar amanat Datuk Seri Dr. Mahathir tersebut.

Berkokok

Pengerusi Barisan Nasional itu menegaskan, tindakan PAS itu amat memalukan kerana ia tidak langsung memikirkan nasib orang ramai tetapi hanya mementingkan diri sendiri semata-mata.

Menurutnya, mereka itu (pembangkang) bukannya bertanding untuk berjuang untuk kepentingan rakyat tetapi hanya untuk mendapat kerusi bagi mendapat elaun semata-mata.

"Mereka juga hanya pandai berkokok semata-mata dan mengkritik kerajaan tetapi bila di-

suruh buat, tidak tahu membuat," jelasnya.

"Pembangkang hanya pandai berjanji sahaja, tidak lebih dari itu," katanya disambut dengan tepuk sorak hadirin.

Mengenai risalah yang disebar oleh calon DAP, Encik V. David yang mempersoalkan siapa Bumiputera, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, calon DAP itu nampaknya kehilangan modal kerana mempersoalkan perkara yang telah diketahui oleh umum.

"Kita menolong Bumiputera kerana untuk meningkatkan sosio ekonomi mereka kerana jauh ketinggalan semasa zaman penjajah.

"Kerajaan terpaksa membuat garis-garis tertentu untuk menolong Bumiputera bagi memperbaiki taraf mereka," katanya.

Mengenai Barisan Nasional beliau berkata, ia ditubuhkan untuk mengurangkan politik di kalangan parti bagi kepentingan rakyat.